

FAKTOR KESEDIAAN PELAJAR KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK DALAM PEMBENTUKAN KERJAYA

Mahyuddin Bin Arsat & Nor Azura Binti Rasid
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Masalah persediaan diri dalam menceburkan diri dalam alam pekerjaan telah lama wujud dalam diri remaja di negara kita. Masalah ini telah mewujudkan banyak masalah lain seperti timbulkan kesan terhadap tahap prestasi sesebuah organisasi berkenaan. Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam pembentukan kerjaya. Kajian ini dijalankan ke atas 57 orang pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi Windows 15.0 bagi mendapatkan frekuensi dan peratusan. Hasil dapatan kajian menunjukkan faktor-faktor seperti minat, pengalaman dan situasi pekerjaan mampu mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya. Manakala faktor pengetahuan hanya berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, didapati secara keseluruhannya keempat-empat faktor berkenaan mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya mereka kelak dengan tahap yang tinggi. Di samping itu, kajian ini juga memberi cadangan kepada pihak-pihak tertentu agar mereka boleh mengambil tindakan yang sewajarnya selain memastikan pelajar ini dapat memenuhi matlamat kerjaya mereka.

ABSTRACT: Lacks of self-preparedness to involve in employment world have been exist among graduated students. This issue contributes to others problems as give effect and impacted to performance level of organizations. Generally, the purpose of research is to find the factors that influence Electrical and Electronic Engineering students preparing for career development. This descriptive research has been carried out 57 students of Electrical and Electronic Engineering students through questionnaire as a research instrument. All the data have been analyzed by Statistical Programme for Social Science (SPSS) Version 15.0 and evaluated in the forms of frequencies and percentages. Data evaluation shows that factors such as interest, experience and job nature were able to influence students preparation of career development. The knowledge factors are only at moderate level. However, all the factors were highly influenced the Electrical and Electronic Engineering students in their career development. Beside that, this research also give the suggestions to related party so that they should make a suitable action to ensure that these students can achieved their career goal.

Katakunci: Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, SPSS

PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Negara merupakan landasan pendidikan di Malaysia. Pendidikan adalah satu bidang yang bersifat dinamis bagi melahirkan warganegara yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Dari masa ke semasa ia melalui pelbagai perubahan, sesuai dengan kemajuan fikiran, kehendak dan teknologi manusia. Oleh yang demikian, setiap individu perlu dibentuk dan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan agar mempunyai wawasan dan visi yang jauh dalam kehidupan mereka. Pendedahan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman amatlah diperlukan bagi mencapai tahap kesempurnaan sendiri seseorang.

Penyataan Masalah

Memandangkan kemajuan industri elektrik dan elektronik yang begitu pesat berkembang maka menjadi tanggungjawab masyarakat untuk mempertingkatkan usaha terutama di peringkat Institusi Pengajian Tinggi di mana pelajar boleh mendapat pengetahuan atau pengalaman kemahiran yang bersesuaian sama ada secara teori atau praktikal. Masyarakat yang tidak dapat menguasai sains dan teknologi merupakan masyarakat yang mundur kerana kualiti warganegara adalah merupakan aset kepada negara. Berikutan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam pembentukan kerjaya.

Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam pembentukan kerjaya. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah seperti berikut :

- i) Menenalpasti sama ada faktor minat mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya.
- ii) Menenalpasti sama ada faktor pengetahuan mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya.
- iii) Menenalpasti sama ada faktor pengalaman mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya.
- iv) Menenalpasti sama ada faktor situasi pekerjaan mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam pembentukan kerjaya mereka kelak. Diharapkan dapatan kajian ini akan dapat menjadi panduan kepada pihak tertentu dengan tujuan berikut:

i) Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Memberikan penjelasan yang sebenar kepada pihak pengurusan serta pendidik tentang betapa pentingnya dalam melahirkan individu yang terlatih dalam mereka bentuk, membangun dan menggunakan jentera atau berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik.

ii) Pelajar Jurusan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Memberi panduan kepada pelajar dalam usaha mengatasi masalah dalam membina kerjaya dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik. Semoga ianya juga dapat meningkatkan potensi, motivasi dan minat individu terhadap kerjaya dalam bidang kejuruteraan ke peringkat yang lebih memuaskan dan membanggakan di samping dapat meningkatkan bilangan siswazah dalam menerajui jawatan jurutera di Malaysia.

iii) Pihak-pihak Berkenaan

Menimbulkan kesedaran dan pendedahan kepada pihak-pihak tertentu seperti ibu bapa, tenaga pengajar, pihak industri dan lain-lain bahawa kerjaya jurutera memainkan peranan penting dan besar sumbangannya kepada kemajuan negara. Seterusnya, secara langsung membolehkan keperluan tenaga guna dapat dipenuhi dalam merealisasikan wawasan yang telah disarankan oleh para pemimpin negara.

Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia, Johor sahaja yang hanya melibatkan pelajar-pelajar jurusan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Meskipun di institusi pengajian tinggi awam ini mempunyai pelajar yang mengikuti pelbagai jenis kursus yang berkaitan, namun begitu penyelidik hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar Tahun 1 SEL, 2 SEL, 3 SEL dan 4 SEL sahaja. Ini memandangkan pelajar-pelajar berkenaan merupakan pelajar yang akan terlibat dalam industri elektrik dan elektronik dalam kerjaya kelak.

METODOLOGI

Populasi Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. Berpandukan maklumat yang diperolehi, terdapat seramai 143 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Tahun Dua hingga Tahun Empat.

Sampel Kajian

Sampel adalah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi populasi ataupun sebaliknya (Azizi et al, 2007). Menurut Mohamad Najib (1999), sampel merupakan sumber untuk mendapatkan data. Daripada jumlah populasi yang ada, penyelidik menggunakan kaedah pemilihan secara rawak mudah bagi mendapatkan bilangan sampel yang diperlukan di dalam kajian ini.

Pemilihan dibuat secara rawak yang terdiri daripada 40% pelajar-pelajar Tahun Dua hingga Tahun Empat kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. Jumlah keseluruhan sampel yang terpilih adalah seramai 57 orang pelajar. Pemilihan ke atas pelajar ini adalah memandangkan mereka merupakan pelajar yang paling hampir dalam menceburkan diri di dalam bidang elektrik dan elektronik apabila melangkah ke alam pekerjaan kelak.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data daripada responden. Instrumen yang kerap digunakan dalam kajian kuantitatif ialah soal selidik kerana melalui instrumen kajian ini, kerjasama daripada sampel mudah diperolehi dan menjimatkan masa (Tuckman, 1988).

Menurut Mohamad Najib (1994) pula, soal selidik merupakan satu cara paling mudah digunakan kerana ia mudah ditadbir, data yang diperolehi mudah dianalisis dan menjimatkan masa. Van Delen (1993) juga sependapat bahawa soal selidik merupakan satu cara paling mudah untuk memperolehi maklumat. Soal selidik mempunyai beberapa kebaikan jika dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidik mendapatkan data kuantitatif.

Kajian Rintis

Kajian rintis diperlukan untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan alat kajian yang digunakan oleh penyelidik iaitu instrumen kajian. Melalui kajian rintis ini, sekaligus dapat mengesan beberapa kelemahan set soal selidik seperti item-item yang sukar difahami atau kurang jelas serta terdapatnya kenyataan yang kabur di dalam set soal selidik tersebut. Stanley & Sedlack (1992) berpendapat bahawa kajian rintis yang


dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti kesukaran-kesukaran item seperti salah faham terhadap soalan oleh responden, arahan yang tidak jelas dan masalah-masalah lain yang berkaitan.

Menurut Mohd. Majid Konting (2000), untuk memastikan kesesuaian arahan dan format yang digunakan, soal selidik harus dicuba ke atas sekumpulan subjek yang setara dengan subjek yang dikaji. Soal selidik juga hendaklah mudah difahami oleh responden untuk mengelakkan kekeliruan (Mohamad Najib, 1999). Kajian rintis dijalankan bertujuan menentukan kesahan isi dalam soal selidik yang digunakan bagi memperbaiki penggunaan ayat serta bahasa terhadap item-item yang dikemukakan.

Saiz sampel kajian rintis ini tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian iaitu sekitar enam ke sembilan orang (Mohamad Najib, 1999). Oleh itu, penyelidik menjalankan kajian rintis terhadap item-item soal selidik sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis dijalankan dengan mengambil sampel yang terdiri daripada 10 orang responden yang dipilih secara rawak dan mereka tidak akan terlibat dengan kajian sebenar. Penyelidik telah memilih responden di kalangan pelajar 1 SEL (Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik). Pemilihan ini dibuat bagi memastikan sampel mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Setelah data dikumpul, ianya akan diproses dan dianalisis. Jika item yang dijawab adalah tidak menepati objektif dan persoalan kajian, item ini akan diperbaiki dan dikemaskini.

Oleh itu, bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan, maklumat yang diperolehi dari kajian rintis telah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Penyelidik telah menggunakan program perisian Statistical Package For The Social Science (SPSS For Windows) versi 15.0 bagi mendapatkan nilai *Alpha Cronbach* dengan mengambil sampel kajian rintis seramai 10 orang. Nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi ialah 0.877. Ini bermakna instrumen yang digunakan di dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Berdasarkan kenyataan Mohamad Najib (1999), yang berpendapat bahawa setiap nilai *Alpha* yang menghampiri 1.0 juga dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Prosedur Kajian



Rajah 1 Carta Aliran Prosedur Menjalankan Kajian

PERBINCANGAN

Faktor Minat Mempengaruhi Kesiediaan Pelajar dalam Pembentukan Kerjaya

Faktor minat merupakan salah satu faktor utama dalam menentukan kejayaan seseorang individu dalam bidang yang diceburinya. Minat yang tinggi terhadap sesuatu perkara yang diminati akan menambahkan lagi keyakinan diri untuk berjaya. Minat adalah pendorong yang amat berkesan dalam menggerakkan seseorang pelajar itu untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran yang dipelajarinya.

Pelajar yang mempunyai minat untuk belajar akan berasa seronok untuk belajar kerana mereka akan mendapat kepuasan daripada proses pembelajaran itu sendiri. Kenyataan ini disokong oleh Abu Zahari (1987), minat dan kecenderungan memainkan peranan untuk mempengaruhi pencapaian pembelajaran seseorang. Pelajar-pelajar yang berminat di dalam sesuatu yang dipelajarinya akan mencapai prestasi yang cemerlang dalam pembelajarannya. Pelajar-pelajar ini akan lebih menghargai dan menilai sesuatu ilmu yang dipelajari dan akan memberikan perhatian sepenuhnya terhadap pembelajarannya.

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan purata peratusan adalah pada tahap yang tinggi. Kajian menunjukkan responden setuju bahawa minat amat penting kepada kesiediaan pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam pembentukan kerjaya. Ini menunjukkan responden menyedari bahawa kursus berkenaan adalah salah satu mata pelajaran yang penting dalam membina kerjaya mereka kelak. Cara yang paling baik bagi membina minat pelajar ialah dengan menunjukkan faedah mata pelajaran itu kepada pelajar dan ilmu yang diperolehi itu boleh digunakan dalam berbagai keadaan terutama dalam kerjaya mereka.

Hasil yang diperolehi juga menunjukkan majoriti pelajar berminat dalam mengendalikan peralatan dan jentera yang digunakan dalam bidang elektrik dan elektronik. Dalam era teknologi kini, penggunaan mesin dan jentera menjadi perkara biasa dalam proses pengeluaran sesuatu produk terutamanya dalam industri elektrik dan elektronik.

Jika dilihat pada item 6, taburan peratusannya adalah masih berada pada tahap yang tinggi walaupun peratusnya didapati lebih rendah berbanding dengan item-item lain. Didapati terdapat sebilangan pelajar yang kurang berminat dalam melaksanakan inovasi terhadap produk dan proses dalam sektor industri. Ini menyebabkan pelajar tersebut tidak dapat melaksanakan pembaharuan yang kreatif ke atas sesuatu keluaran produk. Sedangkan Abu Zahari (1987) telah menyatakan bahawa minat berperanan penting kerana ia dapat mempengaruhi dan mendorong seseorang itu untuk berusaha dengan gigih bagi menguasai serta mendapatkan apa yang diinginkan. Kenyataan ini disokong oleh Crow L.D. dan Crow L. (1980), keupayaan peningkatan di dalam sesuatu bidang yang diceburi bergantung kepada minatnya yang berterusan.

Oleh itu adalah penting bagi seseorang itu untuk meningkatkan kerajinan diri dalam melakukan pelbagai aktiviti termasuk melaksanakan inovasi terhadap produk dan proses dalam sektor industri elektrik dan elektronik tersebut. Sekiranya seseorang itu berminat untuk menceburi suatu bidang itu, mereka sanggup bekerja walau dalam apa keadaan sekali pun. Pemuda pemudi negara kita kini semakin bersikap 'manja' kerana hanya mahukan kerjaya yang menjanjikan keselesaan sedangkan untuk berjaya dalam hidup, seseorang itu perlulah memberikan komitmen yang tinggi terhadap kerjayanya di samping bekerja keras untuk memantapkan kedudukannya.

Analisis juga menunjukkan minat pelajar dalam tugas merancang projek-projek di samping gemar melibatkan diri dalam latihan berkaitan bidang elektrik dan elektronik. Ini membolehkan pelajar meningkatkan kefahaman mereka dalam bidang berkenaan dengan lebih mendalam. Kenyataan ini disokong oleh Lee Shok Mee (1996), minat menjadi pendorong kepada pelajar dalam mempengaruhi

kesediaan belajar seseorang pelajar itu. Seterusnya dapat menjadi panduan dalam membina kerjaya kelak. Ini disokong pula oleh Tolbert (1974) yang menyatakan bahawa perkembangan kerjaya adalah merujuk kepada proses seumur hidup dalam perkembangan nilai kerja. Oleh itu sedikit sebanyak aktiviti-aktiviti sebegini boleh dijadikan langkah awal untuk menguasai kerjaya yang pelajar itu impikan.

Seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajarinya akan menunjukkan pencapaian yang tinggi terutama dalam pembentukan kerjaya masing-masing. Oleh itu, minat merupakan suatu kuasa pendorong perhubungan dengan pengalaman bagi mencapai sesuatu objektif. Minat seseorang itu dapat mengarahkan seseorang bagi menentukan apa yang hendak dilakukan. Pendapat ini disokong oleh Sharifah Alwiah (1987) bahawa minat adalah sebagai faktor pendorong bagi mencapai cita-cita.

Secara keseluruhannya, peratusan responden yang menunjukkan minat merupakan faktor kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya adalah pada tahap yang tinggi. Perkara ini disokong seperti mana kajian yang dijalankan oleh Rodzimah (2000), mendapati faktor minat mampu mempengaruhi seseorang pelajar itu dalam melakukan pemilihan kerjayanya. Justeru itu, minat pelajar dapat dipupuk dan sekaligus menambahkan lagi bilangan individu yang berkemahiran dalam bidang elektrik dan elektronik sebagai memenuhi kehendak sektor perindustrian.

Faktor Pengetahuan Mempengaruhi Kesediaan Pelajar dalam Pembentukan Kerjaya

Persoalan kajian yang kedua adalah berkait kepada faktor pengetahuan pelajar yang boleh memberi kesan positif kepada proses pembentukan kerjaya pelajar. Pengetahuan juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang individu dalam bidang yang diceburinya. Pengetahuan yang tinggi juga merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam mempengaruhi kejayaan seseorang seterusnya akan meningkatkan lagi keyakinan diri individu itu sendiri untuk berjaya. Pengetahuan meliputi segala ilmu yang diperolehi daripada proses pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai kejayaan. Ia juga boleh diistilahkan sebagai kepandaian dan kebijakan.

Namun demikian, responden memberikan jawapan yang rendah terhadap item 8, 9, 11, 12 dan 14 iaitu berada pada tahap sederhana. Didapati pelajar kurang mempunyai pengetahuan yang meluas dalam bidang elektrik dan elektronik termasuk menyenggara peralatan serta jentera elektrik dan elektronik serta mengendalikan aktiviti pengeluaran sesuatu produk elektrik dan elektronik dengan baik. Selain daripada itu, hasil kajian juga menunjukkan pelajar kurang mempunyai kemahiran tinggi dalam melaksanakan inovasi terhadap sesuatu produk di samping idea yang kreatif dalam menghasilkan sesuatu produk baru bagi memenuhi keperluan dan kehendak manusia.

Sedangkan pengetahuan terbina hasil daripada reka bentuk pelajar di dalam minda di mana pengetahuan dibentuk apabila pelajar terlibat secara aktif di dalam proses pembentukan pengetahuan dan bukan hanya mengintepresi dan menerima apa yang diberikan kepada mereka (Greig, 1950). Berikutan dengan itu, pelajar harus mempunyai pengetahuan yang mencukupi sebelum melangkah ke alam kerjaya kelak.

Tanpa pengetahuan yang tinggi, maka ia akan menimbulkan masalah yang rumit ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dalam bidang berkenaan. Ini telah dibuktikan melalui kajian Greig (1950) yang menyatakan bahawa remaja kekurangan pengetahuan mengenai bidang kerjaya yang ada. Mereka tidak memahami keperluan pendidikan dan hubungan kebolehan mereka dengan kebolehan yang diperlukan untuk berjaya dalam kerjaya itu sendiri.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pihak-pihak tertentu dalam mengatasi masalah tersebut yang terdiri daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pihak IPTA termasuklah bahagian pentadbiran dan tenaga pengajar, para ibu bapa dan diri pelajar itu sendiri.

Faktor Pengalaman Mempengaruhi Kesiapan Pelajar dalam Pembentukan Kerjaya

Persoalan kajian yang seterusnya iaitu berkenaan dengan faktor pengalaman yang merupakan salah satu aspek yang memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan kerjaya seseorang individu. Menurut Kamus Am (1997), pengalaman merupakan sesuatu yang telah dirasai. Secara umumnya, pelajar akan belajar melalui pengalaman yang diperolehi secara sendiri.

Berdasarkan dapatan kajian, didapati majoriti daripada item yang dikemukakan memperolehi purata peratusan pada tahap tinggi. Kajian menunjukkan responden bersetuju bahawa pengalaman adalah penting terhadap kesiapan pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam pembentukan kerjaya. Ini menunjukkan responden menyedari bahawa faktor berkenaan adalah salah satu aspek yang penting dalam membina kerjaya mereka kelak.

Hasil yang diperolehi juga menunjukkan majoriti pelajar mempunyai pengalaman dalam mengendalikan peralatan dan jentera yang digunakan dalam bidang elektrik dan elektronik di samping pernah melibatkan diri dalam latihan yang berkaitan dalam bidang elektrik dan elektronik. Selain daripada itu juga, kebanyakan pelajar telah mempunyai pengalaman dalam merancang sesuatu projek yang berkaitan dalam bidang elektrik dan elektronik. Perkara ini sedikit sebanyak akan memberikan keyakinan kepada mereka dalam menjalani kerjaya pada masa akan datang. Semakin banyak pengalaman yang diperolehi maka semakin tinggi tahap kesiapan seseorang pelajar itu dalam membentuk kerjaya mereka kelak. Pendapat ini disokong oleh Kerlinger (1997) yang menyatakan bahawa pengetahuan dibentuk melalui pengalaman.

Namun demikian, didapati daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa item iaitu item 19 dan 21 berada pada tahap sederhana. Didapati pelajar kurang mempunyai pengalaman yang meluas dalam mengendalikan aktiviti pengurusan sesuatu projek elektrik dan elektronik. Selain daripada itu, hasil kajian juga menunjukkan pelajar kurang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan sesuatu projek elektrik dan elektronik hasil daripada idea kreatif mereka sendiri.

Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti tersebut terutama semasa mengikuti kursus berkenaan. Perkara ini perlu dititikberatkan dan diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi mengatasi masalah tersebut dari terus menjadi lebih serius. Tanpa pengalaman yang tinggi, maka ia akan menimbulkan masalah yang rumit ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam bidang berkenaan. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya seseorang individu itu meningkatkan tahap pengalaman mereka dalam bidang yang diceburi kelak.

Faktor Situasi Pekerjaan Mempengaruhi Kesiapan Pelajar dalam Pembentukan Kerjaya

Dapatan kajian bagi persoalan kajian terakhir ini iaitu situasi pekerjaan menunjukkan bahawa ia merupakan di antara faktor utama yang mempengaruhi kesiapan pelajar dalam pembentukan kerjaya. Shertzer dan Stone (1992) ada memperihalkan tentang pengaruh situasi pekerjaan itu sendiri yang mampu mempengaruhi kesiapan seseorang pelajar itu dalam pembentukan kerjaya.

Memang tidak dinafikan bahawa faktor situasi pekerjaan ini merupakan antara sebab kesiapan seseorang pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam pembentukan kerjaya mereka, seperti dapatan yang diperolehi dalam item 27 dan 28. Didapati majoriti daripada responden menyatakan bahawa penyediaan latihan yang berkesan dalam industri merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kesiapan pelajar dalam pembentukan kerjaya. Sektor perindustrian membantu pihak institusi pengajian tinggi dengan cara menyumbangkan kepakaran mereka dalam program pendidikan dan latihan usahasama. Ini dapat membentuk satu persefahaman yang sihat serta menjamin piawai tenaga profesional dan separa profesional.

Di samping itu, faktor yang disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap profesyen kejuruteraan juga menggalakkan pelajar untuk menceburkan diri dalam industri elektrik dan elektronik berkenaan. Pernyataan ini disokong oleh Prof. Dr. Ishak (1997) bahawa bidang pendidikan kejuruteraan elektrik dan elektronik mendapat permintaan paling tinggi daripada pihak syarikat. Beliau juga telah membuktikan bahawa pengunjuran dari aspek tenaga kerja profesional kejuruteraan dan separa profesional kejuruteraan yang diperlukan sehingga tahun 2020 adalah tertinggi dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik.

Perkembangan semasa di Malaysia mendorong permintaan yang tinggi terhadap profesyen ini. Setiap hari, pasti ada syarikat mengiklankan jawatan kosong sebagai jurutera di akhbar-akhbar tempatan. Walaupun kerjaya ini mencabar, ia mampu memberi kepuasan kepada mereka. Tambahan pula gaji dan imbuhan lumayan sekali gus mampu menarik minat pelajar untuk menceburi kerjaya ini. Ini terbukti apabila kebanyakan responden bersetuju bahawa item 25 iaitu faktor pendapatan yang lumayan mempengaruhi pelajar menceburi industri elektrik dan elektronik. Perkara ini juga disokong oleh Shertzer dan Stone (1992) yang menyatakan bahawa dalam pembentukan sesuatu kerjaya adalah melibatkan pendapatannya berbanding faktor-faktor lain.

Hasil dapatan kajian ini juga menyatakan bahawa suasana tempat kerja yang selesa mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya mereka kelak. Tempat kerja jurutera juga berbeza mengikut kerja. Semasa berada di tempat kerja, jurutera elektrik dan elektronik mungkin menyelia dan mengurus sekumpulan individu. Oleh yang demikian, keselesaan sesebuah tempat kerja mempengaruhi kesediaan seseorang pelajar.

Noor Asman (1998) turut menyatakan bahawa pemilihan kerjaya dengan bidang pendidikan pelajar adalah dipengaruhi oleh pengetahuan tentang wujudnya peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di persekitarannya. Mereka juga sedar keperluan mempunyai kelayakan tertentu untuk memperolehi kedudukan yang baik dalam pasaran pekerjaan tersebut. Menurut kajian Rodzimah (2000), pada umumnya prestij sesuatu pekerjaan merupakan suatu ciri penting dalam membuat pilihan kerjaya dan dapatan ini disokong oleh Ginzberg (1951) bahawa prestij memberi kesan terhadap aspirasi pekerjaan para pelajar.

Secara umumnya, faktor situasi pekerjaan sedikit sebanyak dapat mempengaruhi kesediaan seseorang individu itu dalam pembentukan kerjaya.

RUMUSAN

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik untuk membentuk kerjaya mereka kelak. Oleh yang demikian, pengkaji menjalankan satu kajian untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya.

Daripada dapatan yang diperolehi di dalam Bab IV dan perbincangan di dalam Bab V dapatlah dirumuskan bahawa pelajar memerlukan minat, pengetahuan, pengalaman dan situasi pekerjaan yang sesuai dalam mempengaruhi mereka dalam pembentukan kerjaya. Semua faktor ini adalah penting dan perlu diberi perhatian.

Untuk persoalan mengenai faktor minat mempengaruhi kesediaan pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam pembentukan kerjaya keseluruhan daripada tujuh item yang disoal mendapati majoriti responden bersetuju dengan pernyataan berkenaan. Pelajar yang bertanggungjawab adalah pelajar yang berusaha untuk memperbaiki dirinya dari aspek minat bagi mempertingkatkan motivasi pembelajarannya. Bimbingan, dorongan serta panduan perlu diberikan kepada pelajar supaya timbulnya satu perasaan ingin maju dalam diri pelajar itu. Ini akan dapat meningkatkan disiplin diri pelajar itu untuk menjadikan diri

mereka seorang pelajar yang cemerlang dalam hidup terutama apabila menceburi dalam bidang kerjaya kelak.

Manakala bagi persoalan mengenai faktor pengetahuan, bolehlah dirumuskan di sini bahawa arah kecenderungan keseluruhan responden terhadap ketujuh-tujuh persoalan yang dikemukakan masih menunjukkan responden memilih setuju dengan faktor yang dikemukakan. Walau bagaimanapun pengetahuan pelajar dalam bidang Elektrik dan Elektronik adalah pada tahap sederhana.

Faktor pengalaman pula menunjukkan pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan daripada tujuh item yang dikemukakan menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden bersetuju dengan pernyataan berkenaan di mana faktor pengetahuan mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya.

Arah kecenderungan untuk persoalan bagi faktor situasi pekerjaan pula menunjukkan majoriti pelajar setuju dengan faktor tersebut. Situasi pekerjaan perlu ditekankan dengan mengambil kira pendapatan, suasana tempat kerja, latihan dan tahap permintaan bagi memastikan pelajar bersedia dalam membentuk kerjaya.

Berdasarkan kepada dapatan kajian secara keseluruhannya kesimpulan yang dibuat mengenai persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan menunjukkan secara jelas bahawa faktor minat, pengalaman dan situasi pekerjaan mampu mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya. Manakala faktor pengetahuan hanya berada pada tahap sederhana dengan peratusan 63.4% sahaja.

RUJUKAN

- Abu Zahari Abu Bakar (1987). “Memahami Psikologi Pembelajaran”. Petaling Jaya: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahamad Sipon (30.6.2001). “Country Needs Sufficient Skilled Manpower.” New Straits Times, m.s. 23.
- Ahmad Baharuddin Abdullah (2003). “Kerjaya Dalam Bidang Kejuruteraan”. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Amir Awang (1982). “Remaja Dan Dunia Pekerjaan, Laporan Persidangan Nasional Kaum Remaja”. Kuala Lumpur: Jabatan Pedagogi dan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Atan Long (1976). “Psikologi Pendidikan”. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahya et al (2007).“ Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan”. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Best, J.W. dan Kahn, J.V. (1998). “Research In Education” Sixth Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Crow, L.D. dan Crow, L. (1980). “Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan”. Terjemahan Habibah Wlias. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Davis, G.A. (1971). “Effective School And Effective Teacher”. Massachusettes: Sage Publication.

- Dr. KS Kannan et al (1991). "Role Of The Board Of Engineers In The Practice Of Engineering". Petaling Jaya: Regional Symposium On The Engineering Profesion.
- Fleddermann, C.B. (2008). "Engineering Ethics". New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Ginzberge, E. (1951). "Occupational Choice". New York and London: Columbia University Press.
- Mohd. Majid Konting (1994). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kementerian Pendidikan Malaysia ; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kementerian Pendidikan Malaysia ; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Moktar Mokri (1999). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Memilih Aliran Kejuruteraan Teknikal Sebagai Pembentukan Awal Kerjaya Selepas PMR di Dua Buah Sekolah Menengah Teknik Melaka". Tesis Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Jentera), Universiti Teknologi Malaysia.
- Morrison R.F. and Vosburgh R.M. (1987). "Career Development For Engineers And Scientists Organizational Programs And Individual Choices". New York: Van Nostrand Reinhold Company.
- Nik Azis Nik Pa dan Mutter, Jay. (1982). "Persediaan Kaum Remaja Kepada Kerjaya, Laporan Persidangan Nasional Kaum Remaja". Kuala Lumpur: Jabatan Pedagogi dan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.